

**JENAYAH PENDERAAN KANAK-KANAK DALAM
KALANGAN IBU BAPA SEMASA PANDEMIK
COVID-19: KAJIAN KES DI
KOTA KINABALU, SABAH**



MADONNA ANAK JOHN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

**JENAYAH PENDERAAN KANAK-KANAK DALAM
KALANGAN IBU BAPA SEMASA PANDEMIK
COVID-19: KAJIAN KES DI
KOTA KINABALU, SABAH**

MADONNA ANAK JOHN



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN (GEOGRAFI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN


Saya mengaku bahawa karya yang bertajuk "*Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa Semasa Pandemik Covid-19: Kajian Kes Di Kota Kinabalu, Sabah*" adalah hasil kerja saya sendiri kecuali rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 12 Ogos 2022

Madonna John

Madonna Anak John

BA19110568



"Adalah disahkan bahawa Latihan Ilmiah ini yang bertajuk '*Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa Semasa Pandemik Covid-19: Kajian Kes Di Kota Kinabalu, Sabah*', disediakan oleh Madonna Anak John bagi tujuan memenuhi sebahagian syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Geografi), Universiti Malaysia Sabah".

PENGESAHAN


NAMA : MADONNA ANAK JOHN

NO. MATRIK : BA19110568

**TAJUK : JENAYAH PENDERAAN KANAK-KANAK DALAM KALANGAN
IBU BAPA SEMASA PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES DI
KOTA KINABALU, SABAH**

**IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
(GEOGRAFI)**

DISAHKAN OLEH:



PENYELIA UTAMA

Dr. Hajah Nor-Ina Kanyo

Penyelia Latihan Ilmiah

Program Geografi

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TANDATANGAN

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan ungkapan syukur kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa kerana mengurniakan sifat yakin dan tabah serta semangat dalam diri saya sepanjang tempoh menyiapkan tugas ilmiah ini bagi mencapai segala matlamat yang diinginkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya sampaikan kepada penyelia saya iaitu Dr Nor Ina Kanyo atas segala bimbingan dan nasihat yang beliau berikan kepada saya daripada peringkat awal penulisan latihan ilmiah hingga ke penghujung. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada para ibu bapa yang menjadi responden atas kesudian mereka memberi kerjasama sepanjang tempoh temubual berkenaan kajian dijalankan.

Saya juga ingin berterima kasih kepada ibu bapa saya kerana memberi sokongan dari aspek moral dan kewangan sepanjang tempoh saya menjalankan latihan ilmiah ini. Jutaan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada rakan-rakan seperjuangan saya atas segala sokongan, tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan dalam menyiapkan tugas penulisan latihan ilmiah ini terutama sahabat baik saya iaitu Jessica Mayan Anak Janin yang setia menemani saya semasa menjalankan kajian lapangan di lokasi kajian serta Della Loo Anak Gansor dan Dominic Usit Anak Lila yang memberi tunjuk ajar kepada saya melakukan analisis data kajian. Segala memori akan menjadi kenangan yang terpahat di hati penulis sepanjang tempoh menyiapkan latihan ilmiah ini.

Terima Kasih,

Madonna Anak John

BA19110568

12 Ogos 2022

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi mengetahui jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 kajian kes di Kota Kinabalu, Sabah. Pelakuan jenayah merupakan gejala permasalahan sosial yang melanda kehidupan masyarakat terutamanya kanak-kanak. Fokus kajian ini bertujuan mengetahui pandangan ibu bapa mengenai penderaan kanak-kanak semasa pandemik covid-19 di Kota Kinabalu, Sabah. Populasi kajian ini melibatkan seramai 60 orang responden menyertai soal selidik yang diedarkan melalui Google Form, manakala terdapat 10 orang ibu bapa yang menjadi responden dalam sesi temubual. Analisis statistik deskriptif telah digunakan bagi mendapatkan peratus dan bilangan tertinggi serta terendah. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package of Social Sciences (SPSS). Hasil kajian mendapati terdapat beberapa aspek yang mempengaruhi kewujudan faktor penderaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 boleh berlaku. Justeru itu, dalam memastikan jenayah penderaan kanak-kanak beberapa pendekatan-pendekatan dalam kajian ini dalam mengurangkan jenayah penderaan kanak-kanak di Kota Kinabalu, Sabah.

Kata kunci: Ibu Bapa, Kanak-Kanak, Pandemik, Covid-19, Faktor, Pendekatan dan Penderaan.


ABSTRACT

(Crime Of Child Abuse Among Parents During The Covid-19 Pandemic, A Case Study In Kota Kinabalu, Sabah)

This study was conducted to find out the crime of child abuse among parents during the covid-19 pandemic, a case study in Kota Kinabalu, Sabah. Criminal behavior is a symptom of social symptoms that plague the lives of the community, especially children. The focus of this study is to find out parents' views on child abuse during the covid-19 pandemic in Kota Kinabalu, Sabah. The population of this study involved a total of 60 respondents participating in a questionnaire revealed through Google Form, while there were 10 parents who were respondents in the interview session. Descriptive statistical analysis was used to obtain the highest and lowest percentages and numbers. Data were analyzed using Statistical Package of Social Sciences (SPSS) software. The results of the study found that there are several aspects that influence the existence of child abuse factors among parents during the covid-19 pandemic. Therefore, in ensuring the crime of child abuse, several approaches in this study in reducing the crime of child abuse in Kota Kinabalu, Sabah.

Keywords: *Parents, Children, Pandemic, Covid-19, Factors, Approaches and Abuse.*

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
 <i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI FOTO	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Matlamat Kajian	5
1.7 Kerangka Konseptual	6
1.8 Kepentingan Kajian	7
1.9 Skop Kajian	8
1.10 Kawasan Kajian	9
1.11 Ringkasan Kajian	10
1.12 Kesimpulan	12
BAB 2: SOROTAN KAJIAN	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Definisi Konseptual	14
2.2.1 Jenayah	14
2.2.2 Penderaan	15
2.2.3 Kanak-Kanak	15
2.2.4 Ibu Bapa	16
2.2.5 Pandemik Covid-19	16
2.3 Statistik Jenayah Kanak-Kanak	
2.3.1 Statistik Kes Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Sebelum Pandemik Covid-19	17



2.3.2	Statistik Kes Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19	18
2.4	Tinjauan Kajian Lepas	
2.4.1	Kajian Mengenai Faktor-Faktor Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa	19
2.5.2	Kajian Mengenai Pendekatan Dalam Mengurangkan Jenayah Penderaan Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa	27
2.5	Kesimpulan	38
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		39
3.1	Pengenalan	39
3.2	Aspek Pengumpulan Data	40
3.2.1	Reka Bentuk Kajian	40
3.2.2	Instrumen Kajian	41
3.3	Teknik Pengumpulan Data	42
3.3.1	Data Primer	42
3.3.2	Data Sekunder	46
3.4	Persampelan Kajian	47
3.5	Ujian Kebolehpercayaan	48
3.5.1	Interprestasi Skor Min	52
3.6	Teknik Analisis dan Persembahan Data	52
3.6.1	Statistical Package for Sciences Social (SPSS)	52
3.6.2	Microsoft Excel 365	53
3.6.3	Microsoft Visio 2010	53
3.7	Kesimpulan	54

BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	55
4.1 Pengenalan	55
4.2 Demografi Responden	55
4.3 Analisis Dapatan Kajian	58
4.3.1 Faktor-Faktor Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	59
4.3.2 Pendekatan Dalam Mengurangkan Jenayah Penderaan Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa di Kota Kinabalu, Sabah	63
4.4 Perbincangan Hasil Kajian	
4.4.1 Faktor-Faktor Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	69
4.4.2 Pendekatan Dalam Mengurangkan Jenayah Penderaan Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa di Kota Kinabalu, Sabah	79
4.5 Kesimpulan	85
 BAB 5: KESIMPULAN DAN RUMUSAN	 86
5.1 Pengenalan	86
5.2 Perbincangan Penemuan Kajian	86
5.2.1 Faktor-Faktor Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	87
5.2.2 Pendekatan Dalam Mengurangkan Jenayah Penderaan Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kalangan Ibu Bapa di Kota Kinabalu, Sabah	88

5.3	Kekangan Semasa Menjalankan Kajian	89
5.4	Sumbangan Kajian	
5.4.1	Sumbangan Bidang Geografi Jenayah	90
5.4.2	Sumbangan Terhadap Sumber Rujukan	91
5.4.3	Sumbangan Terhadap Polisi dan Dasar	92
5.5	Cadangan Kajian Pada Masa Akan Datang	93
5.6	Rumusan	94

RUJUKAN

LAMPIRAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Statistik Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia dari tahun 2013 sehingga 2017	17
Jadual 2.2: Statistik Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia dari tahun 2016-2022	18
Jadual 3.1: Skala likert faktor-faktor jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 di Kota Kinabalu, Sabah	43
Jadual 3.2: Skala likert pendekatan dalam mengurangkan jenayah penderaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa di Kota Kinabalu, Sabah	43
Jadual 3.3: Jadual Penentuan Saiz Sampel	48
Jadual 3.4 Tahap Kebolehpercayaan Soalan	48
Jadual 3.5: Nilai Alpha Cronbach faktor jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 di Kota Kinabalu, Sabah	49
Jadual 3.6: Nilai Alpha Cronbach pendekatan dalam mengurangkan jenayah penderaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa di Kota Kinabalu, Sabah	50
Jadual 3.7: Interpretasi Skor Min	52
Jadual 4.1: Demografi responden	57

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Kerangka Konseptual	6
Rajah 2.1: Berita Kes Dera Semakin Menaik	13
Rajah 3.1: Carta aliran kajian	54
Rajah 4.1 Faktor Ibu Bapa Menyebabkan Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah	59
Rajah 4.2: Faktor Ibu Bapa Menyebabkan Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah	61
Rajah 4.3: Faktor Persekitaran Menyebabkan Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah	63
Rajah 4.4: Pendekatan Ibu Bapa Dalam Mengurangkan Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	65
Rajah 4.5: Pendekatan Pihak Berkuasa Dalam Mengurangkan Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	67
Rajah 4.6: Pendekatan Masyarakat Dalam Mengurangkan Jenayah Penderaan Kanak-Kanak Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	69

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 1.1: Peta Kota Kinabalu, Sabah	9
Foto 1.2: Peta ArcGIS Kota Kinabalu, Sabah.	9



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AUKU	Akta Universiti Kolej Universiti
Covid-19	Corona Virus
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KK	Kota Kinabalu
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SPSS	Statistical Package for The Social Science
UMS	Universiti Malaysia Sabah
WHO	World Health Organization



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A: Foto Hasil Perhatian

Foto 1 : Bahagian Rumah Teres Responden di Kampung Sembulan

Foto 2 : Kawasan Perumahan di Kampung Delima

Foto 3 : Kawasan Perumahan Kondominium di Tower B, 1 Borneo Kota Kinabalu, Sabah

Foto 4 : Temubual bersama responden di Tower A, Kota Kinabalu, Sabah

Foto 4 : Temubual bersama melalui Google Meet bersama Responden

LAMPIRAN B: Borang Soal Selidik

Borang Soal Selidik

LAMPIRAN C: Peratus Persamaan Indeks Turnitin

Rajah 1: Peratus Persamaan Indeks Turnitin

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, isu perlakuan jenayah ketika pandemik Covid-19 melanda dunia telah meningkat dalam kalangan masyarakat bukanlah sesuatu asing lagi di sesebuah negara membangun khususnya di Malaysia. Pernyataan 'pandemik' yang dikeluarkan oleh WHO (World Health Organization) telah menyeru kerajaan Malaysia mengeluarkan arahan agar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan iaitu memberi fokus kepada untuk melakukan penjarakan sosial telah menghalang semua golongan masyarakat termasuk kanak-kanak terjebak untuk tidak keluar rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak tidak boleh beriadah keluar untuk bermain di taman bersama-sama kawan-kawan mereka kerana untuk mengelakkan penyebaran wabak penyakit ini akibat daripada itu berkemungkinan besar kanak-kanak akan berasa bosan dan tertekan apabila mereka sering berada di rumah tanpa kebebasan untuk keluar. Begitu juga dengan orang tua mereka maka setiap hari mereka akan berada di rumah bersama dengan anak-anak mereka. Namun ada sesetengah ibu bapa yang mempunyai tabiat untuk melakukan perlakuan jenayah penderaan terhadap anak-anak mereka untuk mereka melepaskan tekanan sepanjang tempoh pandemik dijalankan di negara kita Malaysia.

Di samping itu, kanak-kanak sepatutnya diberikan perlindungan dan penjagaan yang cukup kerana dalam sebuah institusi keluarga perhatian dan kasih sayang adalah tuntas utama dalam keluarga bahagia. Tambahan pula, kita acap kali kita dengar mengenai penderaan terhadap anak-anak yang dilakukan mereka yang ibu

bapa semasa pandemik Covid-19 menunjukkan peningkatan statistik laporan oleh media massa dan arus perdana. Seterusnya, sebagai ibu bapa kita seharusnya bertanggungjawab dalam melindungi dan menjaga anak-anak daripada ancaman anasir luar. Penderaan terhadap kanak-kanak boleh dianggap sebagai perlakuan terkutuk dan dianggap melanggar undang-undang dalam negara. Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan penderaan kanak-kanak ini menyebabkan masa depan seorang kanak-kanak itu boleh rosak dan pertumbuhannya terganggu. Menurut Siti Rasidah et al (2008) hubungan jenayah juga berkait rapat dengan persekitaran kanak-kanak itu sendiri kerana persekitaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan kanak-kanak dan ibu bapa pergerakan mereka terbatas dan hanya berada di dalam rumah sahaja.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Jenayah penderaan yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap kanak-kanak merupakan penderaan secara fizikal dan emosi, penderaan seksual, kecuaiian dan pengabaian terhadap kanak-kanak yang dilakukan oleh ibu bapa, Ia juga termasuk sebarang bentuk eksploitasi atau komersial yang boleh menyebabkan kerosakan kepada kesihatan kanak-kanak dari tumbesaran atau harga diri. Hal ini dikatakan demikian kerana pendera atau ibu bapa mempunyai pertalian darah dengan kanak-kanak tersebut dan kanak-kanak tersebut mempercayai ibu bapanya tidak mendera mereka Zuharah Sulaiman (2019). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016) penderaan terhadap kanak-kanak adalah perbuatan yang melanggar undang-undang negara negara boleh dikenakan hukuman berat kerana perlakuan jenayah penderaan kanak-kanak ini menyebabkan kanak-kanak itu membesar dalam keadaan tidak sihat dan mengganggu kelangsungan hidup kanak-kanak itu sendiri.

Kes penderaan kanak-kanak yang meningkat dalam kalangan ibu bapa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan pandemik covid-19 sejak Mac pada tahun 2020 daripada statistik menyatakan bahawa orang tua kandung lebih gemar untuk melakukan penderaan terhadap anak-anak mereka kerana mereka berfikir itu adalah anak mereka maka mereka boleh bertindak sesuka hati terhadap kanak-kanak tersebut tanpa mereka sedari akibatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana masalah dalam keluarga juga menjadi punca kepada penderaan terhadap kanak-kanak terutamanya ini berlaku kerana kebanyakan rakyat Malaysia

dibuang kerja dan tidak berkerja semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) dijalankan ini kerana untuk mengelakan penyebaran wabak di Kota Kinabalu, Sabah dan kebanyakan majikan tidak mampu membayar gaji kerana ekonomi negara sedang menurun.

Seterusnya, kajian ilmiah ini menjurus kepada jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 di Kota Kinabalu Sabah. Hal ini dikatakan demikian kerana ketiadaan kesedaran dalam diri masyarakat di Kota Kinabalu, Sabah tentang kepentingan melaporkan jenayah penderaan kanak-kanak ini kepada pihak berkuasa juga menyebabkan peningkatan jenayah penderaan kanak-kanak di Kota Kinabalu Sabah. Selain itu, masalah yang terjadi dalam institusi keluarga merupakan salah satu pemangkin berlakunya peningkatan kes penderaan kanak-kanak. Oleh hal demikian, isu jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 diambil serius oleh semua golongan masyarakat beberapa pendekatan-pendekatan yang telah dikaji untuk mengurangkan lagi dalam mengurangkan lagi jenayah penderaan kanak-kanak yang dilakukan oleh kalangan ibu-bapa di Kota Kinabalu, Sabah.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Isu tentang jenayah terhadap penderaan kanak-kanak dilakukan oleh ibu bapa ini telah banyak dipersoalkan sehingga ke bahagian parlimen kerajaan telah memperkenalkan satu akta iaitu memelihara dan menjaga hak sebagai kanak -kanak untuk tidak didera oleh ibu atau ayahnya. Jenayah penderaan kanak-kanak ini semakin meningkat semakin negara kita semakin meningkat jenayah dalam negara kita sebagai masyarakat yang mempunyai hati nurani kita haruslah menjaga hak para kanak-kanak jangan sesekali mendera mereka walaupun tekanan hidup yang melanda itu sangat berat kerana tidak semua orang dapat anugerah untuk memiliki seorang anak dalam keluarga mereka maka kita haruslah bersyukur dan pemberian kepada kita (Chairil Ehsan,2008)

Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) yang dijalankan dalam negara kita telah memberikan kesan kepada semua golongan masyarakat tidak kira daripada bandar mahupun luar bandar. Pelaksanaan PKP ini merupakan satu cara untuk menangani pencegahan dan penularan wabak covid-19 yang melanda negara kita Malaysia itu merupakan satu tindakan yang wajar dilakukan pihak kerajaan untuk memutuskan

rangkaian Covid-19 daripada terus merebak. Tumpuan wabak ini bergumpul mestilah di tempat yang ramai orang. Hal ini dikatakan demikian kerana telah menyebabkan peningkatan kes penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa di Kota Kinabalu, Sabah kerana kebanyakan ibu bapa mengalami masalah kewangan menyebabkan sesetengah daripada mereka cuba untuk mendera kanak-kanak akibat daripada tekanan kehidupan.

Seterusnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mencatatkan seramai 2,040 kes penderaan terhadap kanak-kanak berlaku dalam tempoh empat bulan antara Januari hingga April tahun 2021. Peningkatan jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa ini kerana mangsa terangkap di rumah kerana perintah kawalan pergerakan (PKP) yang menyebabkan mereka terbatas untuk keluar dan pendera juga tidak boleh keluar mempunyai kecenderungan untuk melakukan jenayah penderaan terhadap anak-anak mereka disebabkan tekanan hidup yang menimpa sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) mereka melepaskan tekanan kepada kanak-kanak dan peluang mangsa untuk meminta bantuan daripada orang luar sangatlah terbatas kerana sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) tidak boleh keluar rumah sesuka hati. Situasi tersebut akan menyebabkan mereka kehilangan tempat bergantung. Situasi memilukan apabila anak-anak itu takut memberitahu orang lain yang mereka telah didera oleh ibu bapa mereka sendiri kerana mereka risau ibu bapa mereka dipenjarakan dan mereka masih sayang ibu bapa mereka walaupun mereka didera. Mereka hanya mampu menutup mulut demi menjaga maruah keluarga mereka sendiri. Khadijah Alavi (1994)

Di samping itu, permasalahan kajian yang dikesan apabila rekod jenayah penderaan kanak-kanak di Kota Kinabalu, Sabah. Perlakuan jenayah penderaan kanak-kanak di beberapa kawasan panas di Kota Kinabalu, Sabah dikesan oleh para penyelidik. Menurut Ahmad Tarmizi et al (2017) dalam satu kajian mereka menyatakan lima daerah hotspot yang terlibat dalam perlakuan jenayah tertinggi di Sabah iaitu Kota Kinabalu, Penampang Lahad Datu, Sandakan dan Taawau merupakan kawasan-kawasan bandar yang sedang membangun dengan pelbagai aspek. Mereka juga berpendapat bahawa jenayah penderaan kanak-kanak seperti penderaan kanak-kanak sering tertumpu di kawasan bandar akibat dari ciri-ciri geografi kawasannya seperti profil demografi, persekitaran, ekonomi dan juga

ekologi pembangunan yang menyumbang kepada peningkatan kes perlakuan jenayah penderaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa di Kota Kinabalu, Sabah.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 di kajian kes Kota Kinabalu, Sabah. Oleh itu, terdapat beberapa persoalan penting yang perlu diperjelaskan iaitu:

- i. Apakah faktor-faktor jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 di Kota Kinabalu, Sabah.
- ii. Apakah pendekatan dalam mengurangkan jenayah penderaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa di Kota Kinabalu, Sabah.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN


Berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan di atas, kajian ini menggariskan tiga objektif utama iaitu:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 di Kota Kinabalu, Sabah.
- ii. Mengkaji pendekatan dalam mengurangkan jenayah penderaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa di Kota Kinabalu, Sabah.

1.6 MATLAMAT KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah bertujuan mengenalpasti faktor-faktor jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 di Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu matlamat kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji pendekatan dalam mengurangkan jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu-bapa di Kota Kinabalu, Sabah.

1.7 KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual

Sumber: Kajian Lapangan,2022

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini ialah dapat membantu dalam bidang geografi jenayah dan sebagai sumber literatur penyelidikan dalam disiplin ilmu geografi. Kajian ini dapat membantu bidang ilmu geografi terutama sekali dalam bidang geografi manusia kerana dalam kajian ini berlakunya interaksi antara manusia semasa menjalankan proses mengumpul maklumat kajian. Dalam bidang geografi jenayah khususnya, kepentingan kajian ini adalah dapat dilihat interaksi bersama ibu bapa mengenai pandangan mereka terhadap penderaan kanak-kanak yang berlaku di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini juga memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang faktor-faktor yang menyebabkan penderaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa berlaku semasa pandemik covid-19 ni berlaku.

Di samping itu, pendekatan-pendekatan yang dikaji dalam mengurangkan jenayah penderaan kanak-kanak di negara kita dan pihak berkuasa dapat mengambil tindakan yang sewajarnya kepada mereka yang melakukan jenayah terutamanya terhadap kanak-kanak. Kajian ini juga memberikan kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat di luar sana tentang jenayah penderaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa semasa pandemik covid-19 di Kota Kinabalu, Sabah. Lain daripada itu, kajian ini juga penting untuk pengkaji sendiri kerana melalui kajian ini pengkaji dapat meningkatkan ilmu pengetahuan hasil daripada pembacaan yang dilakukan, mengembangkan idea pengkaji dan meningkatkan tahap keyakinan dalam diri pengkaji untuk melakukan kajian yang akan mengasah tahap komunikasi pengkaji. Malah kajian ini juga penting untuk pembacaan, rujukan serta mampu menambahkan idea untuk pengkaji yang akan datang sekiranya ingin mengkaji dalam skop kajian yang sama. Kajian ini memberikan maklumat penting yang boleh digunakan oleh masyarakat bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan jenayah penderaan kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa. Kajian ini turut diharapkan boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji lain. Pengkaji seterusnya boleh menggunakan data-data yang telah dijumpainya dalam menjelaskan berkenaan isu jenayah yang melibatkan penderaan kanak-kanak agar kajian yang dijalankan lebih tersusun dan dilengkapi pelbagai idea bernas.